

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI  
KEPADA PERSIDANGAN PELAJARAN MALAY-  
SIA YANG PERTAMA YANG DIADAKAN DI  
MAKTAB PERGURUAN LEMBAH PANTAI,  
KUALA LUMPUR, PADA 19HB DISEMBER, 1963

Saya amatlah sukacitanya mengalu-alukan Persidangan Pelajaran Malaysia yang pertama ini dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah mencurahkan usaha dan tenaganya kerana menjayakan persidangan ini. Persidangan ini adalah merupakan satu lanjutan yang cepat dan tepat bagi menyertai perubahan politik yang dibawa oleh kelahiran Negara Malaysia pada 16hb September, 1963.

Saya amatlah sukacita mendengarkan bahawa persidangan ini adalah bertujuan hendak mencari jalan dan ikhtiar untuk memajukan pelajaran bagi Negara Malaysia. Di dalam Negara kita yang muda ini, yang mengandungi penduduk-penduduk daripada berbagai bangsa, pelajaran adalah satu perkara yang sangat penting dan mustahak. Dasar pelajaran yang diperbuat oleh Kerajaan Perikatan pada tahun 1956 adalah menjadi asas dasar pelajaran kebangsaan kita untuk menyatu-padukan penduduk-penduduk negara ini daripada semua bangsa supaya mereka itu sepenuhnya mempunyai semangat taat setia yang tiada berbelah bahagi kepada negara kita dan supaya mereka itu sebenar-benarnya menjadi warganegara yang berguna. Dasar pelajaran ini menunjukkan mustahaknya kita mempunyai satu sistem Pelajaran Kebangsaan: kanak-kanak mempelajari mata pelajaran yang sama. Semenjak tahun 1956 Kerajaan Perikatan telah berjuang membentuk satu sistem pelajaran kebangsaan dan diharap negeri-negeri yang baru masuk Malaysia dapat bersama-sama menerima sistem Pelajaran Kebangsaan ini.

Sungguhpun kita telah mencapai kejayaan yang besar dalam lapangan pelajaran di Tanah Melayu ini, akan tetapi banyak lagi perkara-perkara yang dapat dijalankan. Mutu pelajaran di

sekolah-sekolah, baik di peringkat rendah mahu pun menengah amatlah mustahaknya diperbaiki dan ditinggikan lagi. Perkara-perkara ini bergantunglah kepada usaha dan tenaga guru-guru yang bertanggungjawab di atas hal ini. Oleh itu saya berharap dalam persidangan ini, guru-guru yang mengambil bahagian dapat menyatukan usaha dan tenaga mereka itu bagi meninggikan taraf mutu Pelajaran Kebangsaan kita.


Saya ucapkan kepada semua yang mengambil bahagian di dalam persidangan ini selamat berjaya. Usaha dan tenaga yang tuan-tuan akan curahkan untuk kepentingan bangsa dan negara kita, saya yakin, akan mendapat sambutan yang baik daripada segenap peringkat rakyat Malaysia yang insaf akan kepentingan pelajaran dan yang mempunyai tanggungjawab bagi kemajuan pelajaran dan pendidikan anak-anak bangsanya.

Saya suka menegaskan di sini bahawa guru-guru dan ahli-ahli pendidikan mempunyai tanggungjawab yang amat penting dan berat untuk membentuk dan mendidik kanak-kanak hari ini supaya mereka menjadi rakyat dan ibu bapa yang berguna dan berbakti kepada tanah air pada masa hadapan. Saya berseru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian supaya bersungguh-sungguh menanam benih dalam hati murid-murid dengan semangat kebangsaan, akhlak yang mulia, cintakan kemerdekaan dan demokrasi.

Saya diberitahu bahawa persidangan hari ini disertai oleh wakil-wakil lebih daripada tiga puluh buah pertubuhan pendidik-pendidik dan juga turut hadir pemerhati-pemerhati dari negara-negara tetangga kita, iaitu Thailand, Burma, India, Pakistan dan Jepun. Kepada tetamu-tetamu kita yang dihormati saya dengan sukacitanya mengalu-ngalukan kedatangan mereka itu ke negara kita dan ke Ibu Kota kita, Kuala Lumpur. Saya berharap mereka akan melapangkan masa selain daripada menghadiri persidangan ini untuk melawat dan meninjau ke merata-rata tempat dalam negara kita untuk melihat pembangunan-pembangunan dan perubahan yang kita telah dapat capai semenjak tujuh tahun yang lalu. Rakyat di negeri ini sedia menerima lawatan mereka itu dengan penuh kesukaan.

Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Persekutuan Tanah Melayu kerana mengurus dan menjayakan Persidangan Pelajaran Malaysia yang bersejarah ini. Saya berdoa mudah-mudahan persidangan ini akan mendapat sepenuh-penuh kejayaan.

to  
4\*



**Tun Abdul Razak, kanan sekali, sedang mendengar ucapan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman Putra, yang merasmikan Pembukaan Persidangan Pelajaran Malaysia di Maktab Latihan Guru-guru Malaya di Lembah Pantai, Kuala Lumpur pada 19hb Disember, 1963.**